



Good food, Good life


### **TERMA DAN SYARAT**

#### **A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <b><u>Promosi:</u></b>	CABARAN HUNT FOR GOODNESS
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 09/06/2025 dan ditutup jam 23:59:59 pada 03/08/2025.
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini adalah program untuk pendaftaran ahli baharu Nestlé Home of Good dan terbuka kepada semua penduduk sah di Malaysia dengan dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi (“Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri.
5. <b><u>Jenis Hadiah</u></b>	Terdapat dua jenis hadiah yang ditawarkan dalam Promosi ini: a. Hadiah Mingguan; dan b. Hadiah Bonus.  Setiap Peserta berpeluang untuk memenangi satu (1) Hadiah Mingguan dan/atau satu (1) Hadiah Bonus, tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.
6. <b><u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	<b><u>UNTUK HADIAH MINGGUAN</u></b>  Untuk berpeluang memenangi Hadiah Mingguan, Peserta perlu melengkapkan semua langkah yang dinyatakan di (a) hingga (d) di bawah sepanjang Tempoh Promosi:  a. <b><u>Daftar sebagai ahli Nestlé Home of Good (“NHG”):</u></b> i. Peserta mestilah merupakan ahli NHG berstatus Pendaftaran Penuh atau Pendaftaran Separa, seperti yang diperincikan di bawah. ii. Ahli Pendaftaran Penuh <ul style="list-style-type: none"><li>- Untuk Pengguna Baharu: Daftar di <a href="https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/register">https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/register</a> dengan mengisi semua maklumat wajib dalam borang pendaftaran dan memastikan pendaftaran berjaya.</li><li>- Untuk Ahli Sedia Ada: Log masuk ke <a href="https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/login">https://www.nestlehomeofgood.com.my/ms/login</a> menggunakan maklumat akaun sedia ada.</li></ul>

	<p>iii. Ahli Pendaftaran Separa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peserta juga boleh dirujuk oleh ahli NHG sedia ada dan mendaftar melalui pautan berikut:  <a href="https://nestlmalaysianew5.qualifioapp.com/quiz/1616725_3108/HuntforGoodnessReferralForm.html">https://nestlmalaysianew5.qualifioapp.com/quiz/1616725_3108/HuntforGoodnessReferralForm.html</a> </li> </ul> <p>b. <u>Lengkapkan Cabaran Hunt for Goodness:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Setelah berjaya mendaftar atau log masuk sebagai ahli NHG, Peserta boleh akses laman web Cabaran Hunt for Goodness melalui pautan yang disediakan di halaman Terima Kasih atau Profil Ahli.</li> <li>ii. Untuk akses Cabaran Hunt for Goodness melalui platform Spatial: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peserta yang menggunakan peranti mudah alih: Muat turun Aplikasi Spatial di peranti mudah alih masing-masing</li> <li>- Peserta yang menggunakan komputer peribadi: Layari laman web Spatial melalui pautan yang disediakan</li> </ul> </li> <li>iii. Cipta akaun Spatial baharu atau log masuk menggunakan akaun sedia ada dan masuk ke Bilik Permainan (Nestlé: Good World) Cabaran Hunt for Goodness. Peserta juga boleh mencipta avatar sendiri.</li> <li>iv. Terokai Bilik Permainan Cabaran Hunt for Goodness dan lengkapkan pencarian dengan mencari semua item tersembunyi. Tiada had masa dikenakan.</li> <li>v. Setelah selesai, Peserta perlu mengambil tangkapan skrin ("Screenshot Penyertaan") yang menunjukkan Cabaran telah diselesaikan dan memastikan ID Pengguna unik Spatial ("UID") dapat dilihat dengan jelas.</li> </ol> <p><b>CONTOH:</b></p>  <p>The image contains two side-by-side screenshots from the Nestlé Good World app. Both screens show a 'CONGRATULATION!' message at the top. The left screen shows a large black star icon and a small stick figure running icon, with the word 'CONTOH' at the bottom. The right screen shows a stick figure icon and a trophy icon, also with the word 'CONTOH' at the bottom. Both screens have an 'ID' field at the top left containing '7886823bjfks64c099aff'.</p> <p>c. <u>Hantar Penyertaan melalui Borang Dalam Talian Cabaran Hunt for Goodness ("Borang Hunt for Goodness"):</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Setelah melengkapkan Cabaran Hunt for Goodness, Peserta boleh akses Borang Hunt for Goodness mengikut arahan dalam permainan.</li> <li>ii. Peserta dikehendaki melengkapkan Borang Hunt for Goodness sebaik sahaja permainan tamat. Arahan untuk borang ini hanya akan dipaparkan sekali sahaja, dan sekiranya ditutup, Peserta perlu keluar dan masuk semula ke permainan serta mengulangi permainan untuk mendapatkan semula paparan Borang Hunt for Goodness.</li> <li>iii. Peserta perlu melengkapkan borang dengan maklumat wajib berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama pertama</li> <li>- Nama akhir</li> </ul> </li> </ol>
--	---

- Nombor pengenalan (NRIC autau ID Polis atau Tentera)
- Alamat emel
- Nombor telefon bimbit (yang aktif di WhatsApp)
- UID (pastikan ia sepadan dengan UID dalam Screenshot Penyertaan)



- Muat naik Screenshot Penyertaan (dalam format JPG atau PNG, saiz fail kurang daripada 5Mb) yang memaparkan UID dengan jelas
- Bersetuju dengan Terma & Syarat serta Notis Privasi Promosi
- Pilih untuk menjadi ahli NHG

iv. Klik "Hantar" untuk melengkapkan penyertaan ("Penyertaan").

- d. Hanya satu (1) kaedah penyertaan dalam Promosi ini, iaitu melalui Borang Hunt for Goodness. Semua kaedah penyertaan lain akan disingkirkan.
- e. Peserta boleh mencuba Cabaran Hunt for Goodness dan menghantar beberapa Penyertaan sepanjang Tempoh Promosi. Bukti Pembelian ("POP") tidak diperlukan untuk menyertai Promosi ini. Setiap Screenshot Penyertaan hanya sah untuk satu (1) penghantaran Borang Hunt for Goodness sahaja.

#### **UNTUK HADIAH BONUS**

Peserta yang berkongsi Pautan Rujukan mereka dan mempunyai Rujukan Berjaya (seperti yang ditakrifkan) berpeluang untuk memenangi Hadiah Bonus, seperti yang diuraikan di (f) dan (g) di bawah.

- f. Semua ahli NHG akan diberikan Kod Rujukan Unik ("URC") dan pautan rujukan ("Pautan Rujukan") ("Perujuk"). Perujuk boleh berkongsi Pautan Rujukan ini dengan individu lain ("Penerima Rujukan") untuk mendaftar sebagai ahli NHG.
- g. Penerima Rujukan mestilah klik Pautan Rujukan tersebut, yang akan mengarahkan mereka ke Borang Rujukan Dalam Talian ("Borang Rujukan"), dan melengkapkan maklumat wajib berikut sebelum menghantar:
  - i. Kod Rujukan: (URC Perujuk)
  - ii. Nama pertama
  - iii. Nama akhir
  - iv. Nombor telefon bimbit
  - v. Alamat emel
  - vi. Persetujuan terhadap Terma & Syarat Promosi serta Notis Privasi
  - vii. Pilihan untuk menjadi ahli NHG. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, Penerima Rujukan mestilah belum pernah berdaftar sebagai ahli NHG sebelum ini.

	<p>h. Setiap peserta ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai nombor pengenalan yang tersendiri (contohnya, Kad Pengenalan (MyKad), ID Polis, atau ID Angkatan Tentera).</p> <p>i. Pengajur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan yang tidak boleh dibaca, tidak lengkap, duplikasi, kabur, rosak, telah diubah suai atau dimodifikasi dalam apa jua cara tanpa sebarang notis awal kepada Peserta.</p> <p>j. Pengajur akan mengumpul dan memproses semua Penyertaan bagi tujuan pengesahan serta penilaian kelayakan. Pengajur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi Terma &amp; Syarat, namun tidak terhad kepada: maklumat peribadi yang tidak sepadan atau tidak lengkap, Screenshot Penyertaan yang kabur atau tidak jelas, atau penyertaan duplikasi berdasarkan NRIC, UID, atau nombor telefon. Pembatalan boleh dilakukan tanpa notis awal kepada Peserta.</p>
7. <b><u>Cabaran Hunt for Goodness: Hadiah Mingguan</u></b>	<p>a. Setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Mingguan sepanjang keseluruhan Tempoh Promosi, tanpa mengira bilangan penyertaan yang dihantar.</p> <p>b. Hadiah Mingguan yang boleh dimenangi bagi setiap lapan (8) minggu berturut-turut adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Hadiah Pertama: eBaucar Lazada Shop-in-Shop bernilai RM50.00 untuk digunakan di Nestlé Official Store – untuk dua puluh lima (25) pemenang setiap minggu</li> <li>ii. Hadiah Kedua: eBaucar Lazada Shop-in-Shop bernilai RM30.00 untuk digunakan di Nestlé Official Store – untuk lima puluh (50) pemenang setiap minggu</li> <li>iii. Hadiah Ketiga: eBaucar Lazada Shop-in-Shop bernilai RM20.00 untuk digunakan di Nestlé Official Store – untuk lima puluh (50) pemenang setiap minggu</li> </ul> <p>c. Kategori Penyertaan Mingguan akan ditentukan berdasarkan tarikh penyertaan dihantar, dan pembahagian untuk lapan (8) minggu Promosi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Minggu 1: 09/06/2025 – 15/06/2025</li> <li>ii. Minggu 2: 16/06/2025 – 22/06/2025</li> <li>iii. Minggu 3: 23/06/2025 – 29/06/2025</li> <li>iv. Minggu 4: 30/06/2025 – 06/07/2025</li> <li>v. Minggu 5: 07/07/2025 – 13/07/2025</li> <li>vi. Minggu 6: 14/07/2025 – 20/07/2025</li> <li>vii. Minggu 7: 21/07/2025 – 27/07/2025</li> <li>viii. Minggu 8: 28/07/2025 – 03/08/2025</li> </ul>
8. <b><u>Kriteria Pemilihan:</u></b>	<p>a. Penyertaan hanya akan dianggap sah dan layak untuk Hadiah Mingguan sekiranya memenuhi SEMUA syarat berikut:</p>

<p><b>Hadiah Mingguan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Peserta merupakan ahli NHG yang sah berdaftar.</li> <li>b. Peserta telah berjaya menyelesaikan Cabaran Hunt for Goodness.</li> <li>c. Screenshot Penyertaan yang menunjukkan UID peserta dengan jelas telah dimuat naik melalui Borang Hunt for Goodness.</li> <li>d. Penyertaan dihantar dalam Tempoh Promosi. (dirujuk secara individu sebagai 'Penyertaan Layak' dan secara keseluruhan sebagai 'Penyertaan-Penyertaan Layak'</li>   <li>b. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Pengajur akan menetapkan nombor siri kepada setiap Penyertaan Layak, bermula dengan nombor siri "1".</li>   <li>c. Setiap minggu, nombor siri bagi setiap Penyertaan Layak akan direkod dan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah keseluruhan penyertaan layak minggu tersebut ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"). Finalis akan dipilih berdasarkan urutan nombor siri dengan menggunakan kaedah pengiraan yang membahagikan Jumlah Penyertaan Layak dengan jumlah hadiah yang diperuntukkan untuk minggu tersebut. Selepas setiap Finalis bagi satu kategori Hadiah Mingguan dipilih, Finalis tersebut dan semua penyertaan lain milik mereka akan dikecualikan daripada pemilihan bagi kategori hadiah seterusnya.</li>   <li>d. Jika hasil pembahagian menghasilkan nombor perpuluhan, nombor tersebut akan dibundarkan ke bawah. Contohnya, <math>1,020 \div 25 = 40.8</math> akan dibundarkan kepada 40.</li>   <li>e. Jika nombor siri yang dipilih merujuk kepada peserta yang sama lebih daripada sekali, nombor siri seterusnya daripada peserta yang lain akan dipilih sebagai Finalis.</li>   <li>f. Sekiranya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan adalah sebanyak 1000, pemilihan akan dibuat berdasarkan contoh pengiraan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemilihan dua puluh lima (25) Finalis Hadiah Pertama Mingguan: <math>1000 \div 25 = 40</math>. Nombor siri yang menang ialah 40, 80, 120, 160 dan seterusnya sehingga 25 Finalis Hadiah Pertama dipilih. Setelah dipilih, Peserta yang berkenaan dan semua penyertaan lain milik mereka akan dikecualikan daripada senarai penyertaan sebelum proses pemilihan bagi hadiah seterusnya dijalankan.</li> <li>ii. Pemilihan lima puluh (50) Finalis Hadiah Kedua Mingguan: Senarai penyertaan yang tinggal (selepas pengecualian Finalis Hadiah Pertama dan semua penyertaan mereka) akan digunakan untuk pengiraan seterusnya. Contohnya, jika terdapat 850 penyertaan yang tinggal: <math>850 \div 50 = 17</math>. Nombor siri yang memenangi adalah 17, 34, 51, 68 dan seterusnya sehingga lima puluh (50) Finalis Hadiah Kedua Mingguan dipilih. Setelah dipilih, Peserta yang berkenaan dan semua penyertaan lain milik mereka akan sekali lagi dikecualikan sebelum pemilihan Hadiah Ketiga dijalankan.</li> </ul> </li> </ul>
-------------------------------	--

	<p>iii. Pemilihan lima puluh (50) Finalis Hadiah Ketiga Mingguan: Senarai penyertaan yang tinggal (selepas pengecualian Finalis Hadiah Kedua dan semua penyertaan mereka) akan digunakan untuk pemilihan Hadiah Ketiga. Contohnya, jika terdapat 700 penyertaan yang tinggal: <math>700 \div 50 = 14</math>. Nombor siri yang memenangi adalah 14, 28, 42, 56 dan seterusnya sehingga lima puluh (50) Finalis Hadiah Ketiga Mingguan dipilih.</p> <p>Sekiranya nombor siri yang terpilih didapati tidak sah (contohnya disebabkan duplikasi atau telah dikecualikan dalam pemilihan hadiah sebelum ini), nombor siri seterusnya yang tersedia dalam urutan akan digunakan sebagai ganti.</p> <p>Untuk ketelusan, senarai akhir nombor siri yang dipilih bagi setiap kategori hadiah akan direkodkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Finalis Hadiah Kedua: 18, 35, 51 dan seterusnya</li> <li>- Finalis Hadiah Ketiga: 15, 29, 43 dan seterusnya</li> </ul>
9. <b><u>Penyertaan Rujukan: Hadiah Bonus</u></b>	<p>a. Setiap Perujuk hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Bonus sepanjang keseluruhan Tempoh Promosi.</p> <p>b. Sebanyak tiga (3) Hadiah Bonus yang boleh dimenangi sepanjang Tempoh Promosi. Setiap Hadiah Bonus terdiri daripada satu (1) unit Nintendo Switch™ 2 (Storan Dalaman 256GB), dengan anggaran nilai sebanyak RM1,989.00.</p>
10. <b><u>Kriteria Pemilihan: Hadiah Bonus</u></b>	<p>a. Sesuatu rujukan hanya akan dianggap sebagai Rujukan Berjaya jika Penerima Rujukan melengkapkan semua maklumat wajib dalam Borang Rujukan sepanjang Tempoh Promosi (“Rujukan Berjaya”).</p> <p>b. Penyertaan dalam Cabaran Hunt for Goodness adalah pilihan dan tidak diwajibkan untuk sesuatu rujukan dianggap sebagai Rujukan Berjaya.</p> <p>c. Untuk melayakkan diri bagi cabutan Hadiah Bonus, Perujuk mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) Rujukan Berjaya, yang bersamaan dengan satu (1) Tiket Penyertaan.            Penukaran Rujukan kepada Tiket: Setiap 3 Rujukan Berjaya = 1 Tiket Penyertaan (contoh: 6 Rujukan Berjaya = 2 Tiket Penyertaan; 9 Rujukan Berjaya = 3 Tiket Penyertaan; dan seterusnya)</p> <p>d. Tiga (3) Perujuk dengan jumlah Tiket Penyertaan tertinggi akan disenarai pendek untuk Hadiah Bonus.</p> <p>e. Sekiranya terdapat seri dalam kalangan tiga (3) Perujuk tertinggi dengan jumlah Tiket Penyertaan yang sama, hanya Perujuk yang mempunyai jumlah yang seri (tidak termasuk yang tidak seri) akan tertakluk kepada algoritma pemilihan hadiah untuk menentukan pemenang Hadiah Bonus yang masih tertinggal, seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bagi Perujuk yang seri, semua Tiket Penyertaan akan diberikan nombor siri bermula dari nombor siri "1". Pemenang akan dipilih berdasarkan nombor turutan menggunakan kaedah pengiraan yang membahagikan</li> </ul>

	<p>jumlah keseluruhan Tiket Penyertaan dengan jumlah Hadiah Bonus yang masih tertinggal.</p> <p>ii. Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Di mana pengiraan jumlah Perujuk dan Tiket Penyertaan adalah seperti berikut: -</li> </ul> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jumlah Perujuk</th><th>Jumlah Tiket Penyertaan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>100 (Jumlah Tiket Penyertaan tertinggi)</td></tr> <tr> <td>1,000</td><td>99</td></tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perujuk tunggal dengan 100 Tiket Penyertaan akan menerima satu (1) Hadiah Bonus secara automatik dan terdapat dua (2) Hadiah Bonus yang masih tertinggal.</li> <li>- Untuk memilih dua (2) pemenang bagi Hadiah Bonus yang berbaki, Penganjur akan mengira berdasarkan: <math>1,000 \div 2 = 500</math>. Maka, nombor siri yang memenangi adalah 500 dan 1,000.</li> </ul>	Jumlah Perujuk	Jumlah Tiket Penyertaan	1	100 (Jumlah Tiket Penyertaan tertinggi)	1,000	99
Jumlah Perujuk	Jumlah Tiket Penyertaan						
1	100 (Jumlah Tiket Penyertaan tertinggi)						
1,000	99						
11. <b><u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></b>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 03/08/2025. Semua Penyertaan untuk Hadiah Mingguan dan Hadiah Bonus yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.						
8. <b><u>Terma Tambahan:</u></b>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp dari +601168301621 ke nombor telefon bimbit yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul, dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas mesej dihantar. Kegagalan untuk memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan dan/atau dengan jawapan yang betul akan mengakibatkan pembatalan hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis tidak dapat dihubungi melalui WhatsApp atas sebarang sebab. Finalis yang menjawab soalan dengan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dianggap sebagai Pemenang.</p> <p>b. Semua Pemenang mesti memberikan maklumat peribadi yang lengkap dan tepat seperti yang diminta oleh Penganjur bagi tujuan penebusan hadiah. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan hadiah dibatalkan. Penganjur berhak membatalkan sebarang Penyertaan atau kelayakan Pemenang sekiranya maklumat peribadi (termasuk nama penuh, nombor pengenalan, dan nombor telefon bimbit) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa.</p> <p>c. Penganjur berhak untuk meminta salinan dokumen pengenalan diri Pemenang bagi tujuan pengesahan sebelum penebusan hadiah dilakukan. Kegagalan untuk mematuhi permintaan ini akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan hadiah. Sekiranya Penganjur mengesyaki sebarang unsur</p>						

	<p>penipuan, pemalsuan, atau penyerahan dokumen tidak sah, Penganjur berhak membatalkan hadiah tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>d. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan dalam notifikasi pemenang oleh Penganjur akan dibatalkan.</li> <li>e. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh mana-mana penyedia pihak ketiga atau penganjur yang terlibat dalam pengurusan atau penebusan hadiah, termasuk sebarang syarat yang berkaitan dengan hadiah itu sendiri.</li> <li>f. Pengumuman pemenang akan dipaparkan di laman social media Penganjur: <a href="https://www.facebook.com/nestlehomeofgood">https://www.facebook.com/nestlehomeofgood</a> dan laman web rasmi Penganjur di: <a href="https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-deals/nestle_good_world">https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-deals/nestle_good_world</a> enam (6) ke lapan (8) minggu dari tarikh tutup Tempoh Promosi.</li> <li>g. Penganjur akan menghantar kod dan/atau pautan eBaucar Hadiah Mingguan kepada Pemenang melalui WhatsApp dari nombor +601168301621, menggunakan nombor telefon bimbit yang dihantar melalui Borang. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah tidak dapat dihantar disebabkan nombor telefon yang salah, telah ditukar, atau tidak sah yang dihantar oleh Peserta.</li> <li>h. Semua Peserta mestilah mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lazada Malaysia berkaitan penggunaan eBaucar Lazada Shop-in-Shop untuk Nestlé Official Store. Penggunaan eBaucar adalah tertakluk kepada <a href="#">Terma &amp; Syarat Lazada Malaysia</a>.</li> <li>i. Bagi Hadiah Bonus, Penganjur akan menghubungi pemenang melalui WhatsApp dari nombor +601168301621, menggunakan nombor telefon bimbit yang dihantar melalui peraduan. Penganjur akan meminta alamat surat-menyurat daripada pemenang, dan Hadiah Bonus akan dihantar melalui perkhidmatan kurier ke alamat yang diberikan.</li> <li>j. Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknya, untuk menggantikan mana-mana Hadiah Mingguan dan/atau Hadiah Bonus dengan item lain yang bernilai setara pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.</li> <li>k. Semua Hadiah diberikan dalam keadaan “seadanya” dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, barang lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.</li> </ul>
--	--

**Jadual bagi Syarat Penyertaan** ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di [https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-deals/nestle\\_good\\_world](https://www.nestlehomeofgood.com.my/good-deals/nestle_good_world), secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat

*semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").*

**B: Syarat-syarat Penyertaan**

**1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang peranggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

**2. Penyertaan Peraduan**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahaan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

**3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

#### **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kikitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kikitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

#### **5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
  - (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
  - (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

#### **6. Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## 7. **Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barang Pengajur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## 8. **Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa

pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Pengajur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit ) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Pengajur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjut, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

- 11.1 Pengajur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Pengajur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Pengajur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Pengajur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengajur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.

- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

**12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).